

## **BAB III**

### **LATAR BELAKANG SISTEM POLITIK DAN PERKEMBANGAN LITERASI POLITIK DI MALAYSIA**

#### **3.1 Pengenalan**

Bab ini membincangkan latar belakang sistem politik Malaysia secara ringkas dengan memberi fokus terhadap perkembangan literasi politik. Perkembangan literasi politik di Malaysia dibahagikan kepada tiga tahap, iaitu perkembangan awal, perkembangan lanjut dan perkembangan terkini. Kajian ini menguhujahkan bahawa, pada tahap awal, penjajah British tidak berhasrat memperkenalkan idea demokrasi sebaliknya lebih berminat memperkenalkan institusi demokrasi kepada masyarakat pada zaman penjajahan dan ini diteruskan oleh parti pemerintah selepas merdeka. Dimensi idea dalam literasi politik mengambil masa yang agak lama untuk direalisasikan sehinggalah pada zaman Abdullah Hj. Ahmad Badawi yang memperkenalkan pelbagai polisi yang bersifat liberal dan lebih terbuka terhadap kritikan.

Bahagian ketiga dalam kajian ini memperincikan perubahan dalam proses (khususnya dalam konteks penyertaan politik) dan hala tuju wacana politik semasa era pentadbiran Abdullah Hj. Ahmad Badawi. Era pentadbiran Abdullah Hj. Ahmad Badawi diwarnai oleh peningkatan campurtangan warga dalam politik. Aktiviti mencabar kekuasaan elit politik dilakukan dengan pelbagai cara dan melibatkan masyarakat daripada pelbagai latar belakang etnik. Sehubungan itu, sokongan terhadap isu-isu sosial seperti urus tadbir dan keadilan semakin meningkat. Perubahan dalam proses penyertaan

politik dan hala tuju baru dalam wacana politik semasa era pentadbiran Abdullah merupakan refleksi kepada peningkatan tahap literasi dalam kalangan warga Malaysia.

### **3.2 Latar Belakang Sistem Pilihan Raya**

Malaysia merupakan antara negara yang terdiri daripada pelbagai etnik dan budaya. Etnik Melayu dan komuniti Orang Asli merupakan penduduk majoriti di Semenanjung (sekitar 67 peratus). Kumpulan etnik Cina adalah sebanyak 25 peratus, tujuh peratus India dan satu peratus terdiri daripada lain-lain etnik (Weiss, 2013: 4). Semasa penjajahan British, buruh daripada China dan India dibawa ke Semenanjung dan keturunan mereka membentuk kumpulan minoriti yang besar. Kumpulan etnik Melayu dan Orang Asli tergolong dalam kategori Bumiputera, menikmati beberapa hak istimewa dalam perlembagaan, sementara kumpulan minoriti dikenali sebagai bukan Bumiputera.

Malaysia mengamalkan sistem pemerintahan persekutuan monarki dengan 13 negeri dan tiga wilayah persekutuan. Sebelas negeri terletak di Semenanjung, dua (Sabah dan Sarawak) berada di Borneo dan bagi wilayah persekutuan pula, dua daripadanya terdapat di Semenanjung dan satu di Borneo. Persekutuan Tanah Melayu (Semenanjung) mendapat kemerdekaan daripada British pada tahun 1957 dan pada tahun 1963, Sabah, Sarawak dan Singapura bersetuju untuk membentuk Persekutuan Malaysia. Namun begitu, Singapura, atas beberapa sebab politik tertentu telah keluar daripada Malaysia pada tahun 1965.

Sistem dan institusi politik moden di Malaysia, seperti sistem pilihan raya pada hari ini berasal daripada projek modenisasi peninggalan kolonial, diperkenalkan secara

berperingkat bermula awal dekad 1950an. PRU di Malaysia diadakan untuk memilih Ahli Dewan Rakyat pada peringkat nasional dan Ahli Dewan Undangan Negeri bagi 13 buah negeri. Sehingga kini, kesemua Dewan Undangan Negeri (DUN) mengadakan pilihan raya secara serentak semasa PRU, kecuali bagi DUN Sarawak. Ahli bagi kedua-dua jenis dewan tersebut dipilih berdasarkan '*single-member constituency*' menggunakan sistem '*first past the post*' atau undian majoriti. Konstituensi atau kawasan pilihan raya biasanya berbeza dari segi saiz populasi. Kerusi parlimen yang paling rendah populasi pengundi terdapat di Parlimen Putrajaya (13,179) dan paling tinggi terdapat di Parlimen Kapar (134,211), Selangor. Kebanyakan konstituensi yang rendah populasi pengundinya berada di kawasan luar bandar dan kadar populasi pengundi yang tidak seimbang ini biasanya dirujuk sebagai '*rural weightage*' (Weiss, 2013: 4). Proses persempadanan semula yang dilakukan semenjak PRU 1982 hingga 2003 memihak kepada BN dengan memperbanyakkan konstituensi Melayu dan *kawasan campuran* (Brown, 2005).

PRU biasanya diadakan setiap empat atau lima tahun sekali apabila Perdana Menteri membubarkan parlimen dengan mendapat persetujuan daripada yang Di-Pertuan Agong. Mengikut perlembagaan Malaysia, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) diberi kuasa untuk menyelia pentadbiran dan perjalanan pilihan raya. PRU mesti diadakan dalam jangka masa tiga bulan selepas parlimen dibubarkan (Abdul Rashid Moten, 2009: 22).

Kelemahan dalam sistem pilihan raya di Malaysia telah diperkatakan oleh ramai pengkaji, antaranya adalah Crouch (1996), Wong Chin Huat dan Norani Othman (2010), Brown (2005), Ong dan Welsh (2005) serta Ufen (2009). Salah seorang pengkaji menyatakan,

*The Malaysian electoral system cannot be described as fair. It was so heavily loaded in favor of government that it was hard to imagine that the ruling coalition, as long as it remained united, could be defeated in an election* (Crouch, 1996: 75).

Namun demikian, seorang pengkaji lain menyatakan bahawa Malaysia mempunyai prasyarat yang mencukupi untuk menjadi sebuah negara demokrasi. Antaranya ialah kewujudan kelas menengah yang besar antara pelbagai kumpulan etnik, kadar pertumbuhan tinggi dalam suatu jangka masa yang agak panjang (semenjak tahun 1970an hingga kini), ekonomi yang berintegrasi dengan sistem ekonomi dunia, mempunyai tradisi menyelesaikan konflik antara etnik secara aman dan budaya penyertaan rakyat dalam politik. *‘Sebagai tambahan, Malaysia juga terletak di rantau dimana negara-negara jiran mengalami transisi daripada regim bersifat autoritarian kepada demokrasi’* (Andreas Ufen, 2009: 606).

Gabungan pelbagai parti yang memerintah Malaysia ialah BN (sebelum 1972 dikenali sebagai Perikatan). BN merupakan gabungan parti bersifat multi etnik yang terdiri daripada 13 ahli parti komponen. Ia dipengerusikan oleh Perdana Menteri yang juga Presiden kepada parti UMNO. Ahli komponen lain BN adalah MCA, MIC, Gerakan, PPP serta beberapa parti yang berasal daripada Sabah dan Sarawak.

Semenjak PRU pertama (1959) hingga PRU ke 11 (2004), BN sentiasa berjaya mengekalkan penguasaan majoriti dua pertiga kerusi parlimen dan terus kekal sebagai parti pemerintah di Malaysia (BN hanya gagal mencapai kemenangan dua pertiga semasa PRU 1969 dan 2008). Oleh kerana tiadanya peralihan kuasa menerusi proses

PRU di negara ini, beberapa pengkaji menyifatkan Malaysia bukanlah sepenuhnya negara demokrasi (Case, 2009: 311–33; Ufen, 2009: 604–627; Weiss 2013: 3).

### 3.3 Perkembangan Literasi Politik<sup>36</sup>

Proses pembangunan dan modenisasi yang dilalui oleh penduduk negara ini semenjak merdeka telah menyaksikan peningkatan dalam tahap literasi umum di Malaysia secara berperingkat. Jadual 3.1 menunjukkan tahap literasi umum pada tahun 1959 ialah 48.3 peratus, hampir setengah abad kemudian (2009) literasi umum meningkat kepada 92.5 peratus.

Jadual 3.1: Pilihan Raya Umum di Malaysia 1959-2008

| PRU   | Tahun | Kerajaan |          |        | Pembangkang |          |        | Jumlah Kerusi | % Literasi Umum | % Literasi Politik |
|-------|-------|----------|----------|--------|-------------|----------|--------|---------------|-----------------|--------------------|
|       |       | Kerusi   | % Kerusi | % Undi | Kerusi      | % Kerusi | % Undi |               |                 |                    |
| PRU1  | 1959* | 74       | 71.15    | 51.7   | 30          | 28.85    | 48.3   | 104           | 48              | n/a                |
| PRU2  | 1964* | 89       | 85.58    | 58.5   | 15          | 14.42    | 41.5   | 104           | 53              | n/a                |
| PRU3  | 1969  | 95       | 65.97    | 49.3   | 49          | 34.03    | 50.7   | 144           | 58              | n/a                |
| PRU4  | 1974  | 135      | 87.66    | 60.7   | 19          | 12.34    | 39.3   | 154           | 61              | n/a                |
| PRU5  | 1978  | 130      | 84.42    | 57.2   | 24          | 15.58    | 42.8   | 154           | 68              | n/a                |
| PRU6  | 1982  | 132      | 85.71    | 60.5   | 22          | 14.29    | 39.5   | 154           | 72              | n/a                |
| PRU7  | 1986  | 148      | 83.62    | 55.8   | 29          | 16.38    | 41.5   | 177           | 73.5            | n/a                |
| PRU8  | 1990  | 127      | 70.55    | 53.4   | 53          | 29.45    | 46.6   | 180           | 77.5            | n/a                |
| PRU9  | 1995  | 162      | 84.38    | 65.2   | 30          | 15.62    | 34.8   | 192           | 85.5            | n/a                |
| PRU10 | 1999  | 148      | 76.68    | 56.5   | 45          | 23.32    | 43.5   | 193           | 87.5            | n/a                |
| PRU11 | 2004  | 198      | 90.41    | 63.9   | 21          | 9.59     | 36.1   | 219           | 91.5            | 67.3**             |
| PRU12 | 2008  | 140      | 63.06    | 50.27  | 82          | 36.94    | 46.75  | 222           | 92.5            | 56.4**             |

\*1959\* “Kerajaan” merujuk kepada Parti Perikatan dari 1959 hingga 1964 termasuk Perikatan dan Parti Bersatu Sarawak untuk 1969 dan Barisan Nasional sejak 1974.

\*1964\* Sabah dan Sarawak tidak menyertai pilihan raya.

Corak kerusi pada PRU12, 2008: 1. Melayu/Bumiputera kerusi majoriti: XX kerusi; majority Cina: XX kerusi; kerusi campuran; XX kerusi.

\*\*Literasi Politik PRU11-Rendah (6.2%), Pertengahan (67.3%), Tinggi (26.5%)

PRU12-Rendah (0.3%), Pertengahan (56.4%), Tinggi (43.3%)

Sumber: Jadual diolah daripada Jadual 1 dalam Derek Da Cunha *et al.* (2000), *Trends in Malaysia: Election Assessment*, Institute of Southeast Asian Studies, Singapura, hlm. 7.

<sup>36</sup> Perbincangan pada bahagian ini adalah hasil sesi percambahan fikiran antara pengkaji bersama Shamsul A. B. , Mansor Mohd Noor, Rusman Yusof, Faridah Hassan, bertempat di Hotel Equatorial Bangi pada 7 Februari 2013.

Namun begitu, tahap literasi politik didapati tidaklah setinggi peratusan literasi umum. Maknanya, di Malaysia masyarakat dimobilisasikan oleh institusi politik lebih lama sebelum mereka mengukuhkan kefahaman terhadap dimensi idea atau dimobilisasikan oleh literasi politik. Perkembangan tahap literasi politik di negara ini boleh dibahagikan kepada tiga bahagian seperti berikut, iaitu: pertama, perkembangan awal; kedua, perkembangan lanjut, dan; ketiga, perkembangan terkini.

### **3.3.1 Perkembangan Awal**

Sistem pemerintahan moden di Malaysia bermula dengan era pemerintahan British yang memperkenalkan sistem pilihan raya dan parti politik. Namun begitu, bukan semua parti politik dibenarkan oleh British untuk menyertai proses pilihan raya. Parti yang berasaskan ideologi seperti Parti Komunis Malaya (PKM) diharamkan oleh pihak British dan tidak dibenarkan menyertai proses pilihan raya (Crouch, 1996: 57; Case, 2009: 314). Hanya parti yang tidak berasaskan ideologi yang dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam pilihan raya, antaranya adalah seperti UMNO (ditubuhkan pada tahun 1946), MCA (1949), MIC (1946), PAS (1951) dan beberapa parti kecil yang lain.

Selepas Perang Dunia Kedua, pihak British memperkenalkan proses pilihan raya secara berperingkat, bermula dengan pilihan raya memilih perwakilan pada peringkat Kerajaan Tempatan dan kemudiannya PRU untuk memilih perwakilan pada peringkat Persekutuan dan Negeri. Pilihan Raya Majlis Perbandaran Pulau Pinang diadakan pada 1951 dan diikuti oleh Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur tahun 1952. Hasil

kerjasama yang wujud antara UMNO dan MCA semasa Pilihan Raya Ahli Majlis Perbandaran Kuala Lumpur 1952, kedua parti tersebut mengambil keputusan menubuhkan Perikatan pada tahun 1953 (Hwang, 2003: 58). MIC menyertai Perikatan pada tahun berikutnya (1954). Pada tahun 1955, PRU peringkat Persekutuan dan negeri diperkenalkan buat kali pertama.

Penubuhan parti-parti politik, pengenalan sistem pilihan raya dan dalam masa yang sama pihak British menahan pemimpin berhaluan kiri serta pemimpin yang tidak dianggap radikal dibenarkan bertanding – semua ini bermakna British telah mencipta *artificial democracy* yang menekankan aspek peralihan kuasa dan mengetepikan kebebasan bersuara (Ratnam, 1965: 188). Dengan kata lain, pihak British hanya menggalakkan mobilisasi pada peringkat institusi (keluar mengundi) dan bukannya idea (perdebatan mengenai idea dan polisi). Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang membolehkan proses tahanan tanpa bicara dilakukan terhadap pemimpin politik, di samping Akta Hasutan dan Akta Rahsia Rasmi merupakan antara beberapa peraturan yang menyekat kebebasan yang berakar umbi semenjak pentadbiran kolonial.<sup>37</sup> Wacana dalam konteks idea seperti konsep demokrasi, pengagihan kuasa, toleransi dan keadilan sosial tidak berlaku memandangkan pilihan raya diperkenalkan bersama beberapa peraturan dan undang-undang yang menyekat kebebasan bersuara Mohd Azizuddin M. S., 2008: 84-104). Semasa PRU 1964, beberapa pemimpin parti pembangkang turut ditangkap dengan menggunakan alasan keselamatan negara (Crouch, 1996: 73).

Pilihan raya digunakan oleh pihak British sebagai platform untuk membolehkan golongan elit berbincang dan berlaku peralihan kuasa secara aman. Dengan kata lain, pilihan raya diperkenalkan oleh kolonial bukan untuk mengembangkan demokrasi tetapi untuk mengekalkan legitimasi kewujudan mereka. MCA contohnya, bukan merupakan

---

<sup>37</sup> Sila lihat Crouch (1996: 77-95) untuk maklumat lanjut mengenai aspek 'kawalan politik' di Malaysia.

sebuah parti yang mempunyai sebarang ideologi. Menurut Heng P. K. (1988), MCA adalah sebuah parti yang mewakili dan bertujuan menjadi kepentingan kelas kapitalis Cina. British membenarkan penubuhan Parti Buruh, tetapi tidak mengiktiraf Parti Komunis Malaya. Dalam konteks ini, dakwaan William Case (2009: 314) bahawa British meletakkan asas untuk sistem pemerintahan yang berdasarkan akauntabiliti, partisipasi dan berperwakilan tidak mempunyai asas yang kuat. Di zaman selepas kemerdekaan, wujud parti-parti politik baru seperti DAP, Gerakan, People Progressive Party (PPP), Semangat 46 dan Parti Keadilan Rakyat (PKR). Walau bagaimanapun, parti-parti tersebut juga tidak mempunyai ideologi.

Ini adalah kekuatan rakyat Malaysia sewaktu awal kemerdekaan iaitu mengenali dan memahami mengenai perjalanan institusi politik. Ini tidak bermakna masyarakat secara umumnya faham akan idea politik itu sendiri. Masyarakat lebih mengenali simbol dan mengundi berdasarkan simbol parti. Manifesto, perlembagaan parti serta isu yang dibawa oleh parti, tidak begitu difahami oleh pengundi.

Harus diakui bahawa bukan semua anggota masyarakat pada zaman awal kemerdekaan berada pada tahap literasi politik yang rendah. Kumpulan elit dan ahli perniagaan Melayu memiliki idea bagaimana untuk mendapatkan faedah atau keuntungan kepada kumpulan mereka daripada daulah. Pada tahun 1965, Kongres Ekonomi Bumiputera Pertama diadakan dan kumpulan elit Melayu dan ahli perniagaan Melayu mula berbincang mengenai pengagihan dan pertumbuhan ekonomi, kuasa politik dan kuasa ekonomi. Kongres ekonomi tersebut memperlihatkan kelompok-kelompok masyarakat yang berlainan, khususnya elit Melayu dan sebahagian kelas menengah Melayu memahami idea mengenai pengagihan kuasa. Konsep yang popular

pada masa ini ialah ‘Melayu menguasai politik, bukan Melayu menguasai ekonomi’ (Ratnam dan Milne, 1970).

Pada masa ini, timbul persoalan bagaimana untuk menggunakan institusi politik bagi mengimbangi idea politik itu tadi. Seterusnya, perbahasan mengenai idea dapat dikesan semasa konfrontasi dengan Indonesia. Sebelum ini, penduduk hanya mendengar sahaja istilah kedaulatan tanpa ada idea tentang apa itu kedaulatan. Konfrontasi mempopularkan idea untuk mempertahankan negara daripada ancaman luar. Kesetiaan patriotisme dan sebagainya diperkatakan oleh pelbagai golongan dalam masyarakat. Ini adalah antara episod-episod politik yang menyedarkan masyarakat tentang adanya ancaman, sempadan, kerajaan bayangan, kerajaan buangan dan keselamatan negara (Mean, 1970). Jika Kongres Ekonomi Bumiputera Pertama dan Kedua melibatkan peningkatan tahap literasi politik dalam kalangan elit Melayu, konfrontasi membolehkan idea politik difahami bukan sahaja bagi golongan elit tetapi juga oleh golongan bawahan.

### **3.3.2 Perkembangan Lanjut**

Apabila berlaku rusuhan kaum 1969, kuasa politik diletakkan di bawah Majlis Gerakan Negara (MAGERAN). Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN), Majlis Perundingan Negara (MPN), pertubuhan-pertubuhan yang bersifat “community-based organization” (CBO) seperti Rukun Tetangga dilibatkan dalam proses pembuatan keputusan (Mean, 1970: 400). Namun begitu, CBO menambah kefahaman terhadap institusi yang sedia ada.

Idea berkenaan demokrasi dapat dilihat lebih ketara semasa kempen politik khususnya apabila Tengku Razaleigh berjaya menggabungkan parti-parti pembangkang menerusi kerjasama Gagasan Rakyat dan Angkatan Perpaduan Ummah (APU). Idea untuk menukar kerajaan peringkat Persekutuan buat pertama kalinya dibincangkan oleh masyarakat kerana itu adalah julung-julung kalinya (PRU 1990) BN berhadapan dengan gabungan parti-parti pembangkang yang bekerjasama dengan ditunjangi oleh parti Semangat 46. Jurang kefahaman terhadap institusi dan idea semakin rapat setiap kali perbincangan mengenai institusi politik berlaku.

Krisis mata wang dan ekonomi yang melanda Asia Tenggara dan Malaysia pada tahun 1997 telah mengubah landskap politik di negara ini. Anwar Ibrahim, dipecat oleh Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO, dibicarakan dan seterusnya dipenjarakan. Pengikut beliau melancarkan gerakan reformasi dengan menganjurkan beberapa siri demonstrasi jalanan. Berbeza dengan proses *reformasi* di Indonesia yang berjaya menumbangkan Presiden Suharto, gerakan *reformasi* di Malaysia gagal menggulingkan pemerintahan Mahathir menerusi politik jalanan (Farish A. Noor, 1999: 5-18).

Semasa era *reformasi* (1998-2001), kematangan idea politik bukan setakat dalam kalangan parti tetapi juga dalam kalangan masyarakat umum seperti anak-anak muda dan pengundi dewasa. Berbincang, mempersoalkan kejayaan atau kegagalan institusi politik termasuk SPR, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan pasukan polis. Perbincangan pada masa ini banyak tertumpu kepada aspek idea politik. Isunya bukan SPR, SPRM atau polis, tetapi masyarakat telah menguasai idea berkenaan dengan peranan institusi tersebut dan membolehkan mereka memberikan analisis personal, analisis kolektif dan disokong dengan media dan NGO.

Perkara ini dapat dikesan menerusi minat masyarakat mengikuti perkembangan politik menerusi sumber berita selain daripada media yang memihak kepada kerajaan. Jualan akhbar mingguan Harakah misalnya meningkat kepada lebih tiga ratus ribu salinan semasa bulan Disember 1998.<sup>38</sup> Era reformasi juga berlangsung dalam suasana teknologi komunikasi, khususnya internet mula diperkenalkan di Malaysia. Laman-laman sesawang seperti ‘*Mahazalim*’, ‘*Minda Rakyat*’ dan ‘*Konspirasi*’ ditubuhkan untuk menyampaikan mesej reformasi yang dibawa oleh Anwar Ibrahim dan para penyokongnya kepada orang ramai. Portal berita yang bernama ‘*malaysiakini.com*’ ditubuhkan pada tahun 1999 dan secara purata dilawati oleh sebanyak 120,000 pengunjung setiap hari.<sup>39</sup> Kemunculan internet mengurangkan keberkesanan beberapa akta yang mengawal kebebasan maklumat yang diperkenalkan oleh kolonial dan diperkukuhkan selepas insiden 13 Mei 1969, antaranya ialah seperti Akta Hasutan, (1948), Akta Rahsia Rasmi, Akta Cetak dan Penerbitan, dan Akta Universiti dan Kolej Univeristi (AUKU). Bahan-bahan yang disiarkan menerusi internet tidak dapat dikawal oleh kerajaan. Internet menyediakan ruang komunikasi dan kerjasama antara pelbagai kumpulan masyarakat sivil daripada pelbagai latar belakang etnik dan amat penting dalam konteks politik Malaysia’ (Abbott, 2004). Era reformasi mengikut pendapat Weiss (2006: 164),

*“..it represent a major shift in Malay politics and was distinctive in the terms of its coherent aim, it innovative tactics of mobilization and organization and its substantive significance in terms of institution building...the movement reflected the long-term demographic and ideational shifts, including the development of a multicultural new middle*

---

<sup>38</sup> Harakah diterbitkan oleh PAS setiap minggu dan hanya untuk ahli sahaja. Namun begitu, ia turut dijual secara meluas di pasaran. *Far Eastern Economic Review*, 10 Disember 1998, 2.

<sup>39</sup> *Asiaweek*, 1 Jun 2001.

*class and gradually rising support for social issues”* (Dipetik daripada Saravanamuttu, 2013: 347).

Pergolakan politik semasa era reformasi menarik minat dan membuka ruang perbincangan serta artikulasi dalam konteks politik yang tidak lagi bersifat etnik. Sebaliknya wacana mengenai keperluan membawa agenda perubahan besar yang melibatkan perbaikan dalam urus tadbir, institusi politik yang lebih kukuh dan penghormatan terhadap hak asasi. Agenda ini dilakukan oleh Abdullah Hj. Ahmad Badawi selepas beliau menggantikan Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri sehingga melonjakkan kembali sokongan terhadap BN semasa PRU 2004 (O’Shannassy, 2008: 96; Case, 2013: 334). Kegagalan Abdullah Hj. Ahmad Badawi melaksanakan tuntutan tersebut juga merupakan punca kepada kemerosotan pengaruh UMNO dan BN semasa PRU 2008 (Saravanamuttu, 2003: 346).

### **3.3.3 Perkembangan Terkini**

Pada tahun 2004, Abdullah Hj. Ahmad Badawi menubuhkan Institut Integriti Malaysia (IIM). Malangnya pada tahun yang sama dan tahun-tahun selepas, negara digemparkan dengan isu-isu rasuah dan kepincangan urus tadbir yang melibatkan personaliti politik dan birokrat kanan. Tidak pernah berlaku dalam sejarah negara ini, dimana dalam tempoh tiga tahun bermula pada tahun 2004 hingga 2007, sebanyak empat Menteri, dua mantan Menteri, seorang Timbalan Menteri dan Ketua Pemuda UMNO, iaitu Khairy Jamaluddin (menantu Abdullah Hj. Ahmad Bawai) menjadi punca kontroversi kerana dituduh melakukan rasuah (Nathan, 2009; Lee H. G., 2008). Empat orang Menteri dan seorang pemimpin parti yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- a) Isa Samad (Naib Presiden UMNO dan Menteri Wilayah Persekutuan) digantung keahlian parti selama enam tahun kerana didapati bersalah memberi wang kepada perwakilan semasa pemilihan UMNO pada September 2004.
- b) Rafidah Aziz (Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri) dikaitkan dengan kontroversi pemberian permit import kereta (AP).
- c) Azalina Othman Said (Menteri Belia dan Sukan) menjadi kontroversi selepas didapati membelanjakan berjuta ringgit untuk menubuhkan pusat latihan sukan di London.
- d) Chan Kong Choy (Menteri Pengangkutan) terlibat dengan skandal Port Klang Free Zone (PKFZ) yang menyebabkan kerajaan kerugian sebanyak RM 3.3 billion.

Dua mantan Menteri yang dibawa ke mahkamah kerana terlibat dengan rasuah iaitu Kasitah Gaddam (mantan Menteri Wilayah Persekutuan) dan Ling Liong Sik (mantan Menteri Pengangkutan) dibawa ke mahkamah kerana didakwa terlibat dengan isu PKFZ. Seorang Timbalan Menteri (Johari Baharom) dituduh menerima wang sebanyak RM5 juta bagi membebaskan pesalah tahanan Ordinan Darurat.

Skandal dalam kalangan pemimpin agensi kerajaan atau birokrat dengan bilangan yang agak banyak dan dalam masa yang singkat jarang berlaku di zaman

Perdana Menteri sebelum Abdullah. Antara pemimpin kanan dari agensi kerajaan yang menjadi kontroversi pada masa ini adalah seperti berikut:

- a) Pengarah Badan Pencegahan Rasuah (BPR), Zulkipli Mat Noor, dituduh menerima rasuah oleh bekas bekas pengarah BPR Sabah, Mohamad Ramli Manan.
- b) Ketua Polis Negara, Musa Hassan dan beberapa pegawai kanan polis yang lain dituduh menerima rasuah. BPR diarah menyiasat kes tersebut dan didapati beliau tidak bersalah.
- c) Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Polis, Ramli Jusoh, didakwa di mahkamah atas tuduhan tidak melaporkan aset yang bernilai RM 1 juta.
- d) Pengarah Urusan Perwaja, Eric Chia, dituduh membayar sebanyak RM76 juta kepada syarikat yang tidak wujud. Kes ini telah memuflikasikan Perwaja Steel (sebuah syarikat milik kerajaan), tetapi Eric Chia dibebaskan oleh mahkamah pada Jun 2007.
- e) Pada September 2007, Ketua Hakim Negara, Ahmad Fairuz, dituduh terlibat dengan seorang peguam dalam isu pelantikan dan kenaikan pangkat para hakim mahkamah menerusi skandal yang dikenali sebagai “Video Linggam”.

Abdullah Hj. Ahmad Badawi menerusi dasar-dasar keterbukaannya dan dalam usaha untuk memerangi rasuah telah terlibat dalam menubuhkan beberapa badan penyiasat dan suruhanjaya menyiasat salahlaku di kalangan ahli birokrat.<sup>40</sup> Antaranya adalah Suruhanjaya DiRaja untuk Mempertingkatkan Operasi dan Pengurusan Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Suruhanjaya ini, dalam laporannya pada tahun 2005 memetik hasil siasatan BPR yang mendapati PDRM merupakan anatar agensi kerajaan yang paling korup bagi tempoh 1999-2003 (Nathan, 2006: 155). Suruhanjaya ini seterusnya mencadangkan agar 10 langkah perlu diambil untuk mengubah PDRM. Lanjutan daripada itu, masyarakat telah mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan Suruhanjaya DiRaja (RCP) bagi Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan PDRM. Walau bagaimanapun, cadangan tersebut mendapat tentangan daripada pihak PDRM dan akhirnya kerajaan menubuhkan '*Independence Police Complaint and Misconduct Commision*' (IPCMC) sebagai ganti (Lee H. G., 2007: 192). Di tengah kehangatan isu-isu melibatkan PDRM, mantan Ketua Polis Negara mengeluarkan kenyataan bahawa '*40 peratus pegawai kanan polis boleh ditahan tanpa penyiasatan lanjut, tetapi hanya berdasarkan gaya hidup mereka sahaja*' (Sunday Star, 12/8/2007).

Skandal rasuah yang melibatkan pemimpin negara, para birokrat kanan dan penubuhan Suruhanjaya DiRaja bagi menyiasat perkara tersebut menimbulkan kekecewaan kepada massa mengenai janji yang pernah diberikan oleh Abdullah Hj. Ahmad Badawi ketika baru memegang jawatan Perdana Menteri. Di awal pelantikannya (Oktober 2003), Abdullah Hj. Ahmad Badawi mengajak rakyat untuk '*bekerja bersama saya, bukan untuk saya*' (Aeria, 2012: 333). Beliau terkenal dengan imej bersih, rendah diri, mendengar teguran dan menunjukkan minat dalam memerangi rasuah dan membendung salah laku polis.

---

<sup>40</sup> Pandangan ini diberikan oleh Datuk Tengku Abdul Ghaffar Tengku Mohd, mantan Pengarah Majlis Keselamatan Negara (MKN, 2003-2004). Menurut beliau, penubuhan Suruhanjaya sedemikian membuka ruang kepada orang ramai untuk mengkritik kakitangan kerajaan secara terbuka dan menghakis kepercayaan rakyat terhadap institusi-institusi utama kerajaan.

Kelemahan Abdullah Hj. Ahmad Badawi dalam memerangi rasuah diburukkan lagi dengan penglibatan ahli keluarga beliau sendiri yang didedahkan mendapat kontrak daripada kerajaan dan menunjukkan ‘perniagaan keluarga’ sedang berlangsung. Gubahan Saujana, sebuah syarikat yang dimiliki oleh adik Abdullah didedahkan mengawal penyediaan makanan (catering) untuk syarikat penerbangan nasional, *Malaysia Airlines System* (MAS) (Case, 2013: 346). Pada tahun 2005, Khairy Jamaluddin yang juga menantu kepada Abdullah Badawi didedahkan oleh Dr. Mahathir Mohamad menguasai saham bernilai RM 9.2 juta dalam ECM Libra-Avenue Capital. Berikutan dengan pendedahan tersebut, Khairy Jamaluddin yang juga merupakan Ketua Pemuda UMNO bertindak menjual sebanyak 10.2 juta saham milik beliau yang merupakan tiga peratus daripada saham Bank Perdagangan ECM Libra. Khairy berhadapan dengan tuntutan memberi penjelasan bagaimana mendapat pinjaman sebanyak RM 9.2 juta pinjaman yang dibuat tanpa penjamin semasa membeli saham-saham tersebut pada peringkat awal (Ooi K. B., 2007: 108).<sup>41</sup> Dalam masa yang sama, pentadbiran Abdullah Hj. Ahmad Badawi bertindak mengurangkan subsidi terhadap bahan api beberapa kali pada pertengahan tahun 2006 dan 2007. Perlaksanaan dasar pengurangan subsidi itu mendorong kenaikan harga barangan dan menyumbang kepada inflasi (Ooi K. B., 2007; Lee H. G., 2007).

Semasa Perhimpunan Agung UMNO (PAU) yang disiarkan secara langsung oleh Radio dan Televisyen Nasional (RTM), beberapa pemimpin UMNO secara terbuka memberi ancaman terhadap komuniti bukan Melayu dengan keganasan (seperti yang pernah berlaku pada 13 Mei 1969) semasa menyampaikan ucapan mereka. Datuk Hishamuddin Hussein yang juga Ketua Pemuda UMNO menghunuskan keris ketika

---

<sup>41</sup> Mahathir turut menuduh pentadbiran Abdullah Hj. Ahmad Badawi sangat lemah kerana membiarkan budak-budak tingkat empat (the fourth floor boys – merujuk kepada Khairy Jamaluddin) mempengaruhi pentadbiran dan membuat keputusan penting (Chin dan Wong, 2009: 77)

ucapan perasmian perhimpunan UMNO. Peristiwa ini, bersama dengan skandal rasuah seperti dinyatakan di atas menimbulkan rasa tidak puas hati bukan sahaja dalam kalangan pengundi bukan Melayu tetapi juga termasuklah di kalangan etnik Melayu sendiri (Farish A, Noor, 2008: 37). Slogan yang dilaungkan oleh pentadbiran Abdullah Hj. Ahmad Badawi, iaitu ‘Perdana Menteri untuk semua rakyat Malaysia’ dipersoalkan oleh masyarakat. Perdana Menteri tidak melakukan apa-apa apabila pemimpin muda dalam parti bermain dengan isu yang boleh mengeruhkan hubungan etnik. Dalam satu tinjauan pendapat yang dilakukan oleh Merdeka Centre sebelum PRU 2008, 61 peratus pengundi Melayu bersetuju dengan pernyataan “*UMNO dan BN berkata mereka memperjuangkan hak Melayu, tetapi menghabiskan masa mengumpul wang buat mereka sendiri dan memberi kontrak kepada kawan serta ahli keluarga*” (dipetik dalam Case, 2013: 346).

Hasil tinjauan pendapat tersebut adalah refleksi kepada peralihan idea dalam komuniti Melayu, khususnya kumpulan kelas menengah yang mengikuti perkembangan politik Malaysia semenjak era *reformasi* daripada kecenderungan etnik kepada nilai-nilai sejagat dan menyokong agenda perubahan (Saravanamuttu, 2012: 336). Peralihan dalam dimensi idea tersebut dapat dikesan menerusi peningkatan aktiviti mencabar kekuasaan elit politik oleh kumpulan masyarakat sivil dan individu yang menggunakan media sosial untuk menyampaikan mesej politik. Kumpulan masyarakat sivil dan individu tidak merasa gentar dalam membangkitkan isu-isu melibatkan mereka seperti rasuah, kebebasan beragama dan keadilan sosial. Peningkatan aktiviti mencabar kekuasaan elit menunjukkan bahawa rakyat tidak lagi menyerahkan urusan politik kepada golongan elit semata-mata tanpa ‘campur tangan’ daripada rakyat.

### **3.4 Aktiviti Mencabar Kuasa Elit**

Jangka masa antara PRU 2004 hingga menjelang PRU 2008 menyaksikan aktiviti mencabar kuasa elit politik semakin meningkat. Proses penyertaan politik yang mencabar–kuasa elit pemerintah dapat dibahagikan kepada beberapa aktiviti seperti berikut: a) kempen hak asasi dan aktivis agama yang menggerakkan kempen ‘anti-pencegah maksiat’, kempen mewujudkan ‘Suruhanjaya Antara Agama’ dan kempen ‘kebebasan beragama’ oleh Kumpulan Artikel 11; b) mengadakan demonstrasi dan bantahan, seperti ‘Walk for Justice’ dan demonstrasi oleh ‘Gabungan Pilihan yang Bersih dan Adil’ (BERSIH), dan; c) aktivis media sosial.

#### **3.4.1 Kempen Hak Asasi dan Aktivis Agama**

Pada awal Mac 2005, sekumpulan aktivis hak asasi dan agama melancarkan ‘kempen anti-pencegah maksiat’ yang biasanya dilakukan oleh Jabatan Agama Islam Negeri. Kempen ini dilancarkan berikutan penahanan 100 orang pengunjung kelab malam, Zouk, yang dilakukan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pada Januari 2005. Pegawai JAWI mendakwa bahawa mereka yang ditahan dalam serbuan tersebut tidak memakai pakaian yang sopan dan meminum minuman beralkohol. Kempen anti-pencegahan maksiat bukan sahaja membantah penahanan pengunjung kelab malam tersebut bahkan mempersoalkan rasionalisasi penglibatan daulah dalam mendefinisikan aspek moraliti di kalangan warga dan kewujudan undang-undang untuk mengawasi moral. Kempen ini melibatkan 50 NGO termasuk Sister in Islam (SIS), Joint Action Groups Against Violent Against Women (JAG), All Women Action Societies

(AWAM), Women Centre for Change (WCC)<sup>42</sup> dan disokong oleh 200 orang individu ternama, termasuk beberapa orang pemimpin kerajaan dan pembangkang. Peristiwa penahanan pengunjung kelab Zouk turut dibincangkan pada peringkat Kabinet dan mengeluarkan perintah supaya kuasa jabatan agama dikaji semula dan penahanan pada masa akan datang perlu dilakukan bersama pihak polis.<sup>43</sup>

Tidak puas hati dengan situasi aktiviti pasukan pencegahan maksiat oleh pihak berkuasa agama, kumpulan NGO hak asasi, pertubuhan profesional (Majlis Peguam), beberapa NGO Islam liberal dan kumpulan NGO bukan Islam mencadangkan ‘penubuhan Suruhanjaya Antara Agama’ (Interfaith Commission of Malaysia atau IFCM), iaitu sebuah badan berkanun yang berfungsi dan mempunyai kuasa seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). Idea penubuhan badan itu pada mulanya dikemukakan oleh jawatankuasa hak asasi di bawah Majlis Peguam Malaysia dan HAKAM. Pada Februari 2005, sebuah gabungan yang dikenali sebagai Majlis Perundingan Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh (MPBKHS) mengemukakan draf bagi IFCM yang dibentangkan semasa Konferen Ke Arah Penubuhan IFCM. Perdana Menteri (Abdullah Hj. Ahmad Badawi), dalam menjawab soalan yang ditanyakan semasa perbahasan di parlimen mengenai hal itu menyatakan, penubuhan badan seperti IFCM “*may result in complications arising, rather achieving inter-religious understanding*”.<sup>44</sup> Berikutan dengan bantahan daripada pihak NGO Islam, akhirnya penubuhan IFCM ditolak oleh pihak kerajaan.<sup>45</sup>

---

<sup>42</sup> The Malay Mail, 27 Januari 2005.

<sup>43</sup> The Star, 25 Mac 2005.

<sup>44</sup> Malaysiakini, 17 Mac 2005.

<sup>45</sup> Draf tersebut mengundang reaksi keras daripada pertubuhan NGO Islam yang bergabung dibawah ACCIN (sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan untuk mengkoordinasi 14 buah NGO Islam) yang menggambarkan draf tersebut sebagai anti-Islam dan mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya ianya ditolak.

Aktivis masyarakat sivil melihat isu hak-hak asasi seperti diperuntukkan dalam Perlembagaan telah diketepikan atas nama agama dan kepentingan politik (Malik Imtiaz Sarwar, 2008: 51). Untuk itu, 'kempen kebebasan beragama' atau dikenali juga sebagai 'Kumpulan Artikel 11' telah mengadakan 'road show' untuk menerangkan perkara ini kepada masyarakat (Aeria, 2012; 336). Kumpulan Artikel 11 merupakan gabungan 13 NGO yang ditubuhkan pada Mei 2004. Kebanyakan kumpulan NGO yang terlibat dengan kumpulan ini pernah terlibat dengan penubuhan IFCM dan menyokong permohonan Azlina Jailani, seorang wanita Melayu Islam yang memeluk Kristian, untuk menggugurkan nama Islam beliau dalam kad pengenalan. Dalam surat terbuka mereka kepada kerajaan Malaysia, kumpulan Artikel 11 menggariskan pandangan mereka terhadap ketinggian Perlembagaan Persekutuan, hakikat negara Malaysia (bukan Negara Islam) dan hak kebebasan beragama.<sup>46</sup> Majlis forum yang pertama dianjurkan di Petaling Jaya pada 21 Mac 2006 dihadiri oleh 900 peserta (Malik Imtiaz Sarwar, 2008: 51). Forum kedua yang diadakan di Melaka (21 April, 2006) berjalan secara aman dan dihadiri sekitar 300 peserta, kebanyakannya oleh bukan Muslim. Namun begitu, forum ketiga pada 14 Mei 2006 di Pulau Pinang telah mendapat bantahan hebat oleh 'Badan Bertindak Anti-IFC '(BADAI).<sup>47</sup> Berikutan kebimbangan masyarakat pada masa itu, Abdullah Hj. Ahmad Badawi menyatakan isu tersebut '*evoke emotions, and when discussed openly, without control, they create anger, and this lead to unwanted situations*'.<sup>48</sup> Forum tersebut akhirnya dihentikan oleh pihak kerajaan dan dilihat oleh pihak penganjur sebagai satu lagi inisiatif kerajaan untuk menyekat kebebasan bersuara di Malaysia. Kerajaan Malaysia di bawah kepimpinan Abdullah Hj. Ahmad Badawi mengetepikan kemungkinan meminda perkara 121 (1A) dan memberi

---

<sup>46</sup> [www.article11.org/02OpenLetter.htm](http://www.article11.org/02OpenLetter.htm), Disember, 2006.

<sup>47</sup> Seramai 1000 orang penyokong BADAI mengadakan demonstrasi dan selepas berunding, hanya tiga sahaja daripada lima ahli panel majlis forum tersebut dibenarkan bercakap. Forum awam yang diadakan di Johor Baharu pada 22 Julai 2006 juga menerima tentangan daripada kumpulan yang menamakan diri mereka sebagai 'Forum Bertindak Anti-Murtad (FORKAD)'. Sebanyak 300 orang penyokong FORKAD berkumpul dan berdemonstrasi di luar hotel di mana forum tersebut diadakan. Forum di Johor Baharu diadakan semasa perbicaraan Azlina Jailani didengar di Mahkamah pada Julai 2006 (Malaysiakini, 22 Julai 2006).

<sup>48</sup> News Strait Times, 26 Julai 2006.

jaminan kepada penganut Islam bahawa Mahkamah Syariah akan mengekalkan bidang kuasa dalam perkara melibatkan Islam.

### **3.4.2 Demonstrasi dan Bantahan**

Pada 19 September 2007, Anwar Ibrahim mendedahkan video yang menunjukkan seorang peguam sedang bercakap di telefon mengenai pelantikan dan kenaikan pangkat hakim mahkamah. Pada 23 September 2007, kerajaan menubuhkan jawatankuasa yang terdiri daripada tiga orang untuk menyiasat ketulenan video tersebut. Perkara ini mencetuskan kemarahan banyak pihak dan pada 26 September 2007, dianggarkan seramai 2000 orang peguam menganjurkan “Walk for Justice” ke Putrajaya, mendesak kerajaan menubuhkan suruhanjaya menyiasat kes tersebut (Lee H. K., 2008: 194). Chin dan Wong (2009: 78) menyifatkan tindakan para peguam berarak ke Putrajaya merupakan perhimpunan peguam yang paling besar dalam sejarah negara ini. Akur dengan tuntutan supaya kerajaan mengamalkan soal ketelusan dan transparensi, pentadbiran Abdullah Badawi mengambil keputusan menubuhkan Suruhanjaya Menyiasat ‘Video Lingam’ (Lee H. G., 2007: 194).

Pada 10 November 2007, beberapa NGO dan parti politik pembangkang membentuk ‘Gabungan untuk Pilihan Raya Bebas dan Adil (BERSIH)’<sup>49</sup> bertindak mengumpulkan hampir 50,000 orang – kebanyakannya merupakan penyokong PAS dan PKR dengan kumpulan kelas menengah bandar daripada pelbagai latar belakang etnik – mengadakan perarakan ke Istana Negara dengan tujuan menghantar memorandum kepada Yang Di-Pertuan Agong bagi mendesak diadakan pembaharuan pilihan raya

---

<sup>49</sup> Berikutan penemuan beberapa amalan tidak sihat semasa PRU 2004, BERSIH ditubuhkan pada Julai 2005 bermula dengan Jawatankuasa Bertindak Terhadap ‘Electoral Reform’ dan secara rasminya dilancarkan pada 25 November 2006 yang disertai oleh lima parti politik dan 25 NGO yang menyatakan objektifnya untuk berkempen mewujudkan pilihan raya yang bebas dan adil (Lee H.G., 2008: 197).

(James dan Wong, 2009: 78). Pihak polis tidak memberi kebenaran atau mengeluarkan permit bagi perhimpunan tersebut. Pihak polis dan kerajaan menyifatkan perhimpunan tersebut sebagai haram dan mengeluarkan amaran supaya rakyat tidak menyertai perhimpunan yang bakal diadakan dan mengancam untuk menangkap peserta perhimpunan. Lantaran daripada isu ini, pihak polis mengadakan sekatan jalan raya di kesemua lebuh raya yang menuju ke Kuala Lumpur pada 10 November 2007. Tindakan pihak polis tersebut, walau bagaimanapun tidak menghalang para peserta perhimpunan datang dan mengambil bahagian dalam perarakan ke Istana Negara pada 10 November 2007. Perhimpunan tersebut berlaku secara aman kecuali di beberapa lokasi seperti berhampiran Masjid Jamek apabila pihak polis bertindak melepaskan semburan air dan gas pemedih mata untuk menyuraikan peserta perhimpunan (Lee H. G., 2008: 198).

Tidak berapa lama selepas itu, iaitu pada 25 November 2007, 'Hindu Right Action Front' (Hindraf) mengadakan demonstrasi membantah keadaan ekonomi, pendidikan, budayawan marginalisasi budaya yang dihadapi oleh masyarakat India di Malaysia. Bantahan besar-besaran yang dilakukan oleh Hindraf berjaya menarik antara 30,000-50,000 dan berlaku secara aman, kecuali di beberapa lokasi apabila pihak polis bertindak menyembur air pemedih dan gas pemedih mata untuk menyuraikan perhimpunan (Lee H.G., 2008:190).

Walaupun demonstrasi dan bantahan dapat dikesan berlaku sepanjang dekad dalam politik Malaysia, namun begitu menurut seorang pengkaji, tahun 2007 mencatatkan aktiviti bantahan paling besar disertai oleh warga selepas era reformasi di Malaysia (Aeria, 2012: 346). Perkara ini berlaku kerana,

*‘..BN government under fresh leadership of Abdullah Ahmad Badawi also paid little heed about respecting the rule of law, human rights and even a modicum of democratic standards despite its public commitment to reforms after departure of strongman Dr. Mahathir Mohamad in late 2003’ (Aeria, 2012: 338).*

Demonstrasi bantahan yang berlaku pada penghujung tahun 2007, ‘were an important catalyst for the opposition, showcasing issues of corruption and the injustice’ (Welsh, 2013: 287). Perubahan dalam proses politik tersebut mempunyai kaitan dengan perluasan dan kebangkitan masyarakat sivil semasa pentadbiran Abdullah Hj. Ahmad Badawi.

### **3.4.3 Aktivis Media Sosial**

Maznah (2008) menyatakan kempen yang dijalankan oleh aktivis media sosial merupakan antara penentu penting dalam mempengaruhi keputusan bersejarah PRU 2008. Beliau menyatakan,

*The rapid and incessant flow of partisan information through the internet proved beneficial to the opposition. Political websites and blogs became one of the most mesmerising devices of persuasion among urban, younger and internet-literate voters. It is impossible to verify the truth behind the slew of expose, scandals and revelations against government politicians provided by the Internet community (Maznah, 2008: 453).*

Semasa era *reformasi* penggunaan internet masih pada peringkat awal dan belum meluas pengaruhnya. Selepas 2003, populariti media sosial (seperti blog, Youtube dan Facebook) sedang meningkat, khususnya di kalangan kelas menengah bandar. Blog yang dikendalikan oleh Raja Petra Kamaruddin, Rocky Attan, Jeff Ooi, Haris Ibrahim, Nik Nazmi, Bernad Khoo, K Temoc dan ramai lagi mencatatkan bilangan pelawat mencecah angka puluhan juta. Budaya BN yang mengamalkan sekatan ke atas kebebasan media dan penuh kerahsiaan dikatakan antara punca kenapa media sosial menjadi popular (Johns, 2008: 57). Media sosial juga turut membuat liputan tersendiri terhadap perkembangan semasa seperti bantahan “Walk for Justice” dan perhimpunan BERSIH yang tidak diberitakan oleh media arus perdana. James Chin dan Wong C.H. (2009: 81), menyatakan bahawa,

*The online media were unafraid to discuss sensitive subjects such as high-level corruption, abuses of power, ethnic discrimination, police brutality, religious controversies, and racist remarks by UMNO politicians. Political bloggers, including Raja Petra Kamaruddin (Malaysia-Today), Haris Ibrahim (People’s Parliament), and Jeff Ooi (Screenshots), plus opposition leader Lim Kit Siang, helped to create a major shift among the middle class and sent many concerned citizens into political action (Chin, J. dan Wong C.H., 2009: 81)*

Raja Petra Kamaruddin, pengasas blog ‘Malaysia-today.net’ menyatakan bahawa ‘sumbangan besar internet ialah membawa pengundi kelas menengah kepada peti undi’ (Seneviratne, 2018: 66-67). Kegiatan Raja Petra Kamaruddin bukan sahaja terhad kepada menulis, tetapi beliau dan beberapa aktivis sosial media lain turut sama berkempen semasa PRU 2008 dan semasa berucap dalam ceramah di Lembah Pantai

bersama dengan Anwar Ibrahim, beliau menyatakan ‘orang Melayu akan melindungi masyarakat India dan Cina di negara ini sekiranya mereka diserang’ (Malik Imtiaz Sarwar (2008: 48).

PRU 2008 menyaksikan ramai aktivis muda sosial media yang mula ‘blogging’ lama sebelum tibanya PRU 2008 bertanding di atas tiket parti pembangkang, khususnya PKR dan DAP. Antaranya ialah seperti Hannah Yeoh, Nik Nazmi, Teo Nie Peng and Loh Gwo Burne Jeff Ooi, Tony Pua dan Nurul Izzah, (Weiss, 2009: 755; Maznah, 2008: 454). Dalam masa 13 hari tempoh berkempen PRU 2008, nama-nama dikenali dikenali oleh masyarakat dan perbualan bahan perbualan umum. Semasa kempen PRU 2008 sedang berlangsung, media sosial dilihat digunakan untuk,

*“..post information on the place and schedule of the numerous ceramah (campaign speeches and rallies) held throughout the country. Within hours of the held event, photos and the video version of the speeches were posted on the internet. Blogger’s emphatic and rousing accounts of these events no doubt stirred the curiosity of readers to try to be present at the next ceramah, igniting interest and swelling the mood for protest and change. Most of the opposition rallies were unusually large. One of the biggest was an opposition rally held by the DAP in Penang which saw a record turnout of somewhere between 50,000 — 70,000 people at a school field in the middle of the city”* (Maznah, 2008: 453-54).

Pengarah eksekutif portal berita *malaysiakini.com* menerusi pemerhatian beliau menyatakan bahan-bahan yang terdapat dalam internet ada yang muat turun dan disalin dalam bentuk ‘video compact disc’ (VCD), difotokopi dan disebar kepada penduduk luar bandar. Khidmat pesanan ringkas (sms) menerusi telefon bimbit turut digunakan

untuk menyampaikan mesej politik semasa kempen berjalan. Oleh kerana masyarakat di kawasan luar bandar juga memiliki telefon bimbit, jurang antara bandar dan luar bandar dapat dikurangkan (Seneviratne, 2018: 67).

Peningkatan dalam aktiviti mencabar kuasa elit seperti dibincangkan di atas yang melibatkan aktivis hak asasi, penganjuran demonstrasi bantahan dan perluasan aktiviti kempen politik menerusi media sosial memperlihatkan bahawa masyarakat Malaysia semakin terlibat dengan proses politik secara meluas, khususnya di kawasan bandar (Welsh, 2013: 290). Peningkatan dalam proses penyertaan politik tersebut boleh dilihat berlaku dalam semua kumpulan etnik.

Perkembangan ini menjadikan wacana politik semasa era pentadbiran Abdullah Hj. Ahmad Badawi turut mengalami perubahan daripada isu-isu yang bersifat etnik kepada nilai-nilai sejagat yang melibatkan kepentingan masyarakat pelbagai latar belakang etnik. Wacana politik yang bermain semasa era pentadbiran Abdullah Hj. Ahmad Badawi antaranya adalah berdasarkan kepada idea seperti: a) kepincangan urus tadbir dan peningkatan aktiviti rasuah; b) isu-isu berhubung dengan kebebasan beragama dan hak asasi, dan; c) kepincangan institusi utama negara seperti PDRM, SPR dan SPRM.

### **3.5 Rumusan Bab**

Perbincangan dalam bab ini menunjukkan bahawa tahap literasi politik dalam masyarakat Malaysia telah mengalami perubahan drastik semenjak era reformasi, khususnya di kalangan masyarakat Melayu. Jika di tahun-tahun 1960an dan 1970,

kumpulan elit Melayu mempromosikan ‘idea mengenai polisi ekonomi’ bagi kepentingan mereka, era reformasi menyaksikan kumpulan kelas menengah Melayu mempromosikan idea untuk semua, tanpa mengira kepentingan etnik. Antaranya ialah seperti isu-isu yang melibatkan ketelusan, integriti institusi kerajaan dan urus tadbir yang baik. Wacana terhadap nilai-nilai sejagat seperti di atas didapati semakin relevan semasa era pentadbiran Abdullah Hj. Ahmad Badawi berikutan polisi-polisi yang dilaksanakan pada masa itu bertentangan dengan realiti yang berlaku.

Perubahan dalam dimensi idea tersebut diwarnai dengan perubahan dalam proses penglibatan politik. Masyarakat daripada pelbagai latar belakang etnik, khususnya kelas menengah di kawasan bandar di dapati semakin aktif terlibat dalam kegiatan mencabar kekuasaan elit semasa pentadbiran Abdullah Hj. Ahmad Badawi. Janji Abdullah Hj. Ahmad Badawi yang dibuat pada peringkat awal mengambil alih jawatan Perdana Menteri iaitu untuk mewujudkan urus tadbir yang lebih baik, telus dan menghormati hak-hak masyarakat tidak dipenuhi.

Teknologi komunikasi seperti media sosial dan kumpulan masyarakat sivil menjadi pentas aktivis dan membantu memperluaskan proses penyertaan politik. Kegagalan elit dan parti pemerintah untuk membuat perubahan yang dituntut oleh masyarakat yang semakin celik politiknya menyumbang kepada peningkatan proses kerengggangan politik di kalangan khususnya kumpulan kelas menengah dan pengundi di kawasan bandar.